

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 8 FEBRUARI 2020

MUKA SURAT:12

## Zuraida cuti kerana tak mahu pengaruhi keputusan

**PUTRAJAYA** - Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Zuraida Kamaruddin mengambil keputusan bercuti daripada semua jawatan dalam parti kerana tidak mahu mempengaruhi keputusan yang dibuat biro politik.

Jelas Zuraida, selaku anggota dalam biro politik, keputusannya menarik diri seketika daripada badan berkenaan wajar bagi membolehkan keputusan dibuat secara profesional.

Katanya, biro politik adalah badan terakhir yang akan membuat keputusan politik dan beliau tidak mahu berada di situ semasa keputusan dibuat.

"Kes disiplin yang sedang saya hadapi akan dirujuk kepada biro politik oleh Lembaga Disiplin selepas siasatan selesai dijalankan.

"Oleh kerana orang berkenaan (tertuduh) adalah saya, maka lebih profesional untuk saya berehat seketika," katanya pada sidang media selepas majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kementeriannya di sini malam kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai keputusannya



Zuraida (kiri) menyampaikan anugerah kepada Penolong Jurutera (Awam) Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Saudah Ariffin (kanan) pada majlis APC Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Putrajaya malam kelmarin.

mengambil cuti daripada semua jawatannya dalam parti sehingga Lembaga Disiplin parti itu selesai menjalankan siasatan berhubung satu ucapannya yang mengkritik pimpinan PKR secara terbuka.

Kelmarin, Setiausaha Politikanya, Nor Hizwan Ahmad dilaporkan telah menghantar surat cuti Zuraida kepada Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, beliau juga tidak dimaklumkan bila keputusan terhadapnya akan dibuat.

"Sama ada dipanggil atau tidak dipanggil untuk beri penjelasan, saya serahkan kepada mereka (Lembaga Disiplin)," katanya.

Sementara itu, Zuraida juga tidak mahu membuat sebarang spekulasi sama ada beliau akan beralih kepada parti lain atau tidak.

"Apa pun tindakan yang diambil nanti, ia tidak menjadi masalah bagi saya.

"Saya boleh berkhidmat di mana-mana, apa-apa sahaja dan bila-bila masa saya berada. Tiada masalah," katanya.